

# Model tender MRT jadi kaedah bida projek ikonik

➔ Jawatankuasa tender tak tahu nama syarikat, nilai secara profesional

Oleh **Suhaila Shahrul Anuar**  
suhaila.shahrul@bh.com.my

► **Putrajaya**

**K**erajaan akan menggunakan model pemberian tender Transit Aliran Massa (MRT) jajaran Sungai Buloh-Kajang dalam penganugerahan projek ikonik negara pada masa akan datang, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, projek besar harus dinilai secara profesional dari segi kos dan teknikal menggunakan model itu.

"MRT sudah disiapkan dengan jayanya mengikut jadual dan bajet yang ditetapkan tanpa masalah serta skandal," katanya ketika merasmikan kompleks baharu Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kompleks agensi antirasuah terbesar dunia,

di sini, semalam.

Ketika menghuraikan lebih lanjut mengenai kaedah pemberian tender MRT itu, Najib berkata, jawatankuasa tender yang dipengeruskannya, tidak mengetahui nama syarikat yang membida projek terbabit.

"Kami tidak tahu nama syarikat sebenar (yang membida tender). Cuma kod saja yang diberikan seperti PT1, PT2 dan PT3. Apabila sudah diputuskan, siapa yang dapat kontrak dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bawa surat baru tahu siapa dan nama syarikatnya.

## Projek siap ikut jadual

"Inilah yang kita gunakan dan satu sebab mengapa projek MRT siap mengikut jadual dan di bawah bajet yang ditetapkan.

"Kami akan pastikan gunakan model ini untuk setiap tawaran tender bagi projek kerajaan yang lain terutama yang ikonik dan ia



**Najib bersama Dzulkifli melihat model Ibu Pejabat SPRM pada Majlis Perasmian Kompleks Baharu Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, semalam. Yang turut kelihatan Timbalan Ketua Persuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki (kiri) dan Timbalan Persuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil (kanan).**

mesti dinilai secara profesional termasuk daripada segi kos dan teknikal," katanya.

Mengulas pembinaan bangunan baharu SPRM itu, Najib berkata, ia adalah antara bukti komitmen kerajaan dalam menyokong usaha SPRM membanteras dan memeringi rasuah serta salah guna kuasa.

Katanya, melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) membanteras rasuah, antara yang dilaksanakan kerajaan termasuk mewujudkan Unit Pematuhan yang memantau perilaku pegawai dalam agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan SPRM.

"Selain itu, mempercepatkan perbicaraan kehakiman terhadap kes rasuah dengan menubuhkan 14 Mahkamah Khas Rasuah yang dikendalikan hakim berpengala-

man untuk memastikan kes dibicarakan dalam tempoh satu tahun.

## Bangun pangkalan data

"Membangunkan pangkalan data 'Name And Shame' dengan menyenaraikan pesalah rasuah yang telah didakwa dan boleh diakses oleh orang ramai, bukan saja untuk pengetahuan umum rakyat di negara ini, tetapi boleh digunakan oleh negara seperti Amerika Syarikat sebagai satu kaedah menyemak status pemohon yang ingin memohon visa pelancongan ke negara mereka.

"Menghapuskan rasuah daripada perolehan kerajaan dan korporat menerusi pembangunan portal MyProcurement bagi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan kerajaan dan meningkatkan keyakinan dalam proses pemberian tender kerajaan," katanya.

Kompleks baharu ibu pejabat

SPRM dibina atas tapak seluas 2.07 hektar di Presint 7 di sini, terdiri daripada tiga menara A, B dan C masing-masing setinggi 14, 18 dan 22 tingkat serta mampu menempatkan kira-kira 1,800 kakitangan. Ia turut dilengkapi 354 unit kamera litar tertutup (CCTV) untuk keselamatan.

Terdahulu, pada majlis sama Najib turut melancarkan Yayasan Prihatin SPRM dan mengumumkan peruntukan segera sebanyak RM5 juta kepada yayasan itu.

Yayasan Prihatin SPRM ditubuhkan suruhanjaya itu berteraskan kebajikan untuk membantu menampung kekurangan keperluan dan kewangan warganya serta ahli keluarga mereka.

Selain itu, dana yayasan itu juga akan disalurkan kepada rakyat yang memerlukan bantuan daripada sudut kewangan dan sebagainya melalui program SPRM bersama masyarakat.